

Penyokong DAP-Pas saling tidak mempercayai lagi

Oleh ZULKIFLI. ABDULLAH

UM 25 SEP 2001

SEREMBAN 24 Sept. — Pakatan antara DAP dan Pas yang sudah terurai akan menyebabkan para penyokongnya tidak lagi percaya mempercayai antara satu sama lain.

Akibatnya, tidak mungkin penyokong kedua-dua parti itu bersatu semula pada pilihan raya umum akan datang, kata Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad.

“Orang sudah tahu mereka sudah berpisah dan jika mereka bergabung semula, orang ramai sudah tidak akan mempercayai mereka lagi,” katanya di sini hari ini.

Dengan itu, jelas beliau, perpisahan yang berlaku dalam pakatan tersebut bukanlah satu perkara yang luar biasa kerana Pas pernah keluar dari Barisan Nasional mahupun Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang kebanyakan pemimpinnya di kalangan bekas ahli UMNO.

Mohd. Isa memberitahu, perpisahan yang ber-

laku itu sudah tentu memberi tamparan kepada Pas yang berusaha keras untuk memenangi hati masyarakat Cina sejak musim pilihan raya umum lalu.

“Pas juga tidak dapat menjawab apa yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika diminta memberi penjelasan mengenai negara Islam,” ujarnya.

Sokongan

Katanya lagi, biarpun tindakan DAP itu adalah antara strategi parti itu untuk meraih sokongan pada pilihan raya di Sarawak terutama di kalangan masyarakat Cina, beliau tetap yakin pengundi di negeri tersebut tidak akan menerima mereka (pembangkang).

Jelas Mohd. Isa, rakyat Sarawak begitu bijak membuat pilihan dan tidak mungkin mereka memilih wakil rakyatnya di kalangan parti-parti pembangkang yang sudah musnah gabungannya.